



## UPM Prihatin Kelestarian Alam Sekitar



*Dekan, Fakulti Pengajian Alam Sekitar UPM, Prof. Madya Dr. Ramdzani Abdullah (kiri) menyampaikan cenderamata kepada Naib Canselor UPM, Prof. Datuk Dr. Nik Mustapha Raja Abdullah (kanan).*

**PUTRAJAYA, 2 Disember** – UPM prihatin terhadap usaha melestarikan alam sekitar kerana ia merupakan amanah yang patut dilaksanakan oleh setiap individu kata Naib Canselor Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof. Datuk Dr. Nik Mustapha R. Abdullah.

Katanya selaras dengan usaha tersebut, UPM menubuhkan Pusat Kecemerlangan Forensik, Alam Sekitar sejajar dengan hasrat kerajaan yang kini meletakkan penekanan khas memulihara alam sekitar.

“Penubuhan pusat kecemerlangan ini dapat mendukung misi dan visi UPM sebagai sebuah universiti yang bertaraf dunia dalam penyelidikan dan pendidikan serta menyumbangkan pengetahuan secara tidak langsung kepada ahli-ahli sains dan akademik dan masyarakat,” katanya pada majlis perasmian Seminar Kebangsaan Current Issues and Challenges in Environmental Quality Management in Malaysia di sini.

Beliau berkata seminar itu menyediakan platform kepada semua pengamal yang terlibat dalam pengurusan kualiti alam sekitar agar dapat berinteraksi mengenai isu alam sekitar masa depan.



*Naib Canselor UPM, Prof. Datuk Dr. Nik Mustapha Raja Abdullah (kiri) sedang beramah mesra dengan Prof. Jao Jia Horng (kanan) selepas majlis perasmian National Seminar Current Issues and Challenges in Environmental Quality Management in Malaysia.*

Sementara itu, Dekan Fakulti Pengajian Alam Sekitar (FPAS), Prof. Madya Dr. Ramdzani Abdullah berkata penganjuran seminar itu bertepatan kerana sebagai sebuah pusat kecemerlangan forensik alam sekitar, ianya menjadi tanggungjawab FPAS mengadakan

seminar ini.

“Seminar ini juga dilihat dapat membantu dalam mengukuhkan rangkaian terhadap institusi penyelidikan serta bertemu dengan semua penyelidik dan pegawai akademik di dalam dan di luar negara,”katanya.

Seminar selama dua hari itu membentangkan 55 kertas kerja seperti Water Ecosystem, Waste Management, Environmental Forensics, Environmental Kealth, Impact Assessment, Environmental Economics dan Environmental Education.



*Prof. Jao Jia Horng dari National Yunlin University of Science and Technology Taiwan, ROC sedang menyampaikan keynote address 'The New Development of College Education on Environmental Science and Engineering'.*

**Berita ini disediakan oleh Seksyen Media, Bahagian Komunikasi Korporat UPM. (Noor Eszereen Juferi 03-89466013)Maklumat lanjut sila hubungi Mohd Armi Abu Samah (017-3895567)**